

15 MAY 1997

Mahathir - Ubat

KILANG PERUBATAN PERLU PASTIKAN UBAT YANG DIKELUARKAN ASLI

SERI ISKANDAR, 15 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata bidang perkilangan perubatan perlu memastikan pengeluaran barangan mereka berkualiti tinggi dan tidak membenarkan barangan berkenaan dicampur dengan barang asing bagi memastikan keberkesanannya seperti yang diharapkan.

Perdana Menteri berkata industri perubatan perlu mencapai standard ISO yang ditentukan kerana pembeli mengharapkan ubat yang 100 peratus asli tanpa sebarang campuran ubat lain.

Bidang perubatan tempatan seharusnya mendapat tempat di negara ini memandangkan perubatan tradisional memang mempunyai kesan tertentu untuk mengubati pesakit, katanya ketika merasmikan kilang Safire Pharmaceuticals (M) Sdn Bhd di sini hari ini.

Dr Mahathir berkata bagaimanapun perubatan tradisional perlu melalui ujian yang betul bagi memastikan ia dapat memberi kesan baik kepada pesakit.

"Pada masa dahulu sebelum datangnya perubatan barat, rakyat menggunakan perubatan tradisional, namun kini oleh kerana perubatan itu tidak melalui ujian yang diperlukan maka rakyat tidak dapat menerimanya dengan baik," katanya.

"Pengeluar ubat tradisional perlu mengadakan ujian dengan cara 'blind test' iaitu dengan menjalankan ujian 100 atau sehingga 1000 orang bagi memastikan kemujaraban," kata Dr Mahathir.

Cara ini dapat memastikan ubat tradisional yang kadangkala dijual di tepi jalan tanpa pengiktirafan pihak tertentu adalah ubat sebenar dan bukannya tepung, katanya.

"Jika dapat dipastikan ubat tradisional itu baik, baru ia boleh diterima, jika tidak penggunaan ubat tidak dapat diterima berdasarkan pada dakwaan penjual ubat yang bertujuan menjual ubat buatannya itu," katanya.

Ini berbeza dengan ubat dari Barat yang telah diterima dan dijual oleh sesiapa saja.

"Oleh itu industri perubatan tempatan perlu membuat cara teratur dan tersusun pengeluaran ubat-ubatan tempatan supaya para pesakit tidak tertipu," katanya.

Perdana Menteri berkata ada juga pengusaha ubat tradisional yang menggunakan unsur jampi dengan menggunakan air (biasa) dalam botol yang didakwa boleh menyembuhkan penyakit termasuk barah.

"Cara ini tidak baik dan tidak punya asas sama sekali kerana tidak ada manusia yang mulutnya masin yang boleh mengubat penyakit termasuk barah.

"Jika betul (kaedah itu), pengamal perubatan tersebut boleh menggunakan cara teratur dengan menjalankan kajian terhadap 100 orang yang mengalami penyakit yang sama di mana 50 orang diberi air jampi dan 50 orang lagi diberi air biasa. Dan jika kesemua lima puluh orang yang diberi air jampi baik, bolehlah diterima cara perubatan itu," kata Dr Mahathir.

Katanya adalah menyedihkan kerana wujudnya golongan tertentu yang menipu menggunakan cara itu bagi mengubati orang dengan tujuan mendapatkan duit yang banyak dan akhirnya menyebabkan pesakit mati.

"Tidak ada orang yang boleh mengubat dengan jampi sahaja," kata Dr Mahathir, sambil menjelaskan bahawa sebagai seorang yang dilatih sebagai doktor, beliau tidak dapat menerima cara sedemikian.

Perdana Menteri berharap industri perubatan tempatan akan dapat berkembang terutama yang mengeluarkan ubat-ubatan herba memandangkan banyak

ubat herba yang boleh digunakan untuk kehidupan harian.

"Industri tempatan perlu teratur, tersusun dan terancang cara pengeluarannya," katanya.

Syarikat Safire Pharmaceuticals (M) Sdn Bhd milik Bumiputera bernilai RM24 juta merupakan pengeluar ubat-ubatan dan peralatan kebersihan, terletak di kawasan seluas enam hektar di Taman Farmaseutikal di sini.

Kilang itu dimiliki secara usaha sama antara pasangan suami isteri Dr Safri Nawawi dan Dr Hamimah Idruss bersama Perbadanan Kemajuan Negeri Perak.

Dr Mahathir turut menyaksikan upacara menandatangani perjanjian antara syarikat itu dengan sebuah syarikat dari United Kingdom, Peter Black Toiletries and Cosmetic Limited bagi menubuhkan sebuah kilang usaha sama di Kuala Lumpur untuk mengeluarkan barangan kosmetik dan peralatan kebersihan bagi syarikat Marks dan Spencer untuk pasaran Asia Pasifik mulai tahun ini.

-- BERNAMA

HK MAI